

11 JAN 2001

Hamid-Amerika/I

TIADA PERBINCANGAN BINA PANGKALAN TETAP TENTERA AMERIKA DI M'SIA

PUTRAJAYA, 11 Jan (Bernama) -- Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar hari ini berkata Malaysia akan terus membenarkan kapal tentera Amerika Syarikat berlabuh di pelabuhan di negara ini.

Ketika bercakap kepada pemberita selepas pertemuan semasa makan tengah hari bersama-sama Ketua Pemerintah, Markas Pasifik Tentera Laut Amerika Syarikat Laksamana Dennis C. Blair, Syed Hamid bagaimanapun berkata tidak ada permintaan oleh Amerika untuk membina pangkalan tetap tentera di Malaysia.

"Tidak ada, kami sama-sekali tidak berbincang mengenai pangkalan tetap... dan mereka tidak menyebut mengenai pembinaan pangkalan di tempat lain," katanya ketika ditanya sama ada lawatan Blair dan pertemuan-pertemuannya dengan pucuk pimpinan negara mempunyai kaitan dengan permintaan untuk mendirikan pangkalan seperti itu di sini.

Blair yang sedang dalam rangka lawatan tiga hari ke sini, mengadakan pertemuan berasingan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di Jabatan Perdana Menteri (JPM) hari ini.

Syed Hamid berkata tentera Amerika Syarikat boleh singgah di mana-mana pelabuhan di negara ini untuk apa sahaja tujuan perlu, dan menambah bahawa kebiasaannya mereka akan menghubungi Kementerian Luar untuk mendapat persetujuan.

"Malah kami bekerjasama dengan mereka semasa mereka singgah di sini, bagi mereka untuk melakukan latihan di ruang udara... saya rasa mereka puas hati (dengan peraturan itu)," katanya.

Yang turut hadir pada jamuan itu ialah Duta Amerika Syarikat ke Malaysia B. Lynn Pascoe dan Panglima Angkatan Tentera, Jen Tan Sri Mohamed Zahidi Zainuddin.

Pangkalan Amerika di Subic dan Clark di Filipina ditutup pada 1992 dan ada laporan bahawa negara itu sedang mencari tapak baru untuk mengekalkan kehadiran mereka di rantau ini, terutama di Asia Tenggara.

Syed Hamid berkata Blair memberitahu beliau bahawa Amerika Syarikat akan meneruskan penempatannya di Korea Selatan dan Jepun kerana ia penting untuk mengekalkan keamanan dan keselamatan di rantau ini.

"Mereka juga berminat untuk meningkatkan kerjasama ketenteraan dengan kita. Pandangan kita ialah, apa sahaja yang kita lakukan, kita perlu mengambil kira keseluruhan rantau ini sebagai satu," katanya.

-- BERNAMA

AR ZS LAT